

Ucapan : ADHD

405

24/80

UCHAPAN YANG BERHORMAT MENTERI PELAJARAN,
ENCHE HUSSEIN ONN, DI-UPACHARA FERBARISAN
DAN PENYAMPAIAN HADIAH CHAWANGAN PUTERA,
MAKTAB TENTERA DI-RAJA, PADA 12HB DISEMBER,
1970, PUKUL 9.00 PAGI

Pengerusi dan ahli2 Juma'ah Pentadbir Maktab,
Komandan,
Tuan2 dan Puan2 yang hadir.

Terlebeh dahulu saya ucapkan terima kaseh kepada Pengerusi Juma'ah Pentadbir Maktab Tentera Di-Raja yang telah menjemput saya hadir di-hari upacara perbarisan dan penyampaian hadiah Chawangan Putera Maktab ini. Saya sesungguh-nya berasa sangat gembira kerana ini-lah satu kesempatan bagi saya untok menyaksikan dengan lebeh dekat lagi kegiatan2 yang di-jalankan di-Maktab ini.

Maktab ini telah di-tubuhkan dengan tujuan yang tertentu, iaitu menyediakan putera2 Malaysia yang terpilah mengambil tempat2 mereka sebagai pegawai2 dalam Angkatan Tentera Malaysia, dalam perkhidmatan2 tinggi Kerajaan dan sabagai pemimpin2 di-lapangan ikhtisas (professional), perdagangan dan perusahaan negara kita. Tujuan ini adalah satu tujuan yang murni dan Maktab ini adalah mempunyai tanggung jawab yang berat bagi melaksanakan terchapai-nya tujuan itu. Dalam melaksanakan terchapai-nya tujuan itu Maktab ini adalah bertanggung jawab memberi didekan kepada putera2-nya di-segala lapangan yang di-perlukan supaya putera2 itu, apabila keluar daripada Maktab ini nanti bersedia menjalankan peranan mereka kepada negara bukan sahaja di-dalam perkhidmatan2 kerajaan tetapi juga di-lapangan2 perdagangan dan perusahaan. Ini bererti bahawa putera2 di-Maktab ini perlu di-beri didekan bukan sahaja di-lapangan akademik tetapi juga dari segi pembinaan sifat2 pemimpin.

Saya berasa sangat gembira mengetahui bahawa Maktab ini di-masa yang lampau telah dapat menchapai kejayaan bukan sahaja di-lapangan pelajaran tetapi juga di-lapangan sukan.

Kejayaan ini menunjukkan bahawa Maktab ini telah menjalankan tanggung jawab-nya yang berat itu dengan bersungguh-sungguh. Kapada mereka yang telah memberi sumbangan untok kejayaan2 Maktab ini saya ucapkan tahniah.

Saya sangat tertarek hati dengan chara pendidekan yang memperimbangan pelajaran akademik dengan pembenaan sifat2 pemimpin. Chara pendidekan saperti ini tidak shak lagi akan dapat mengeluarkan putera2 yang terpelajar, bertanggung-jawab dan mempunyai keperchayaan kapada diri sendiri. Sifat2 (qualities) saperti ini di-kalangan putera2 Malaysia adalah sangat di-perlukan oleh negara kita yang sedang membangun.

Saperti kita semua sedia ma'alum, negara kita adalah sedang mengalami kekurangan tenaga manusia yang terlatah di-lapangan sains dan teknologi. Saya berasa gembira bahawa Maktab ini adalah memahami masa'alah ini dan telah pula mengambil langkah untok memberi keutamaan kapada pengajaran2 sains dan ilmu hisab. Pembenaan ma'amal sains baru yang berharga \$300,000 akan memberi lagi kemudahan kapada Maktab ini untok memberi pelajaran sains kapada putera2-nya. Saya yakin, dengan ada-nya ma'amal itu dan guru2 yang bertanggung jawab, Maktab ini akan menchapai kejayaan untok mengeluarkan penuntut2 yang berpendidekan sains dan ilmu hisab.

Akhir-nya saya suka menguchapkan tahniah kapada pemenang2 hadiah pada tahun ini, dan kapada semua putera2 yang telah mengambil bahagian dalam ucapan berkawat pada pagi ini. Kecekapan dan kechergasan mereka berkawat adalah sangat menarek hati dan menunjukkan disiplin yang baik. Kapada putera2 yang akan meninggalkan Maktab ini pada tahun ini, saya ucapkan selamat berjaya dalam tugas2 yang akan mereka jalankan dan kapada mereka yang akan meneruskan pelajaran di-Maktab ini saya menyeru supaya menjaga tradisi dan meninggikan lagi darjah Maktab ini.

Kementerian Pelajaran,
Kuala Lumpur.

12hb Disember, 1970.



